



## **SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA BILANGAN 3 TAHUN 2003**

### **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

#### **KESEGERAAN MENGEMUKAKAN MAKLUM BALAS DAN MENGAMBIL TINDAKAN KE ATAS PERKARA-PERKARA BERKAITAN KPLB DAN AGENSI-AGENSI DI BAWAHNYA YANG DIARAHKAN ATAU DIBANGKITKAN OLEH YAB PERDANA MENTERI, YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI, YB MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DAN JEMAAH MENTERI**

Kepada: Semua Ketua Agensi dan Jabatan  
Semua Setiausaha Bahagian  
Semua Ketua Unit

#### **TUJUAN**

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan kepada Semua Ketua Agensi, Ketua Jabatan, Setiausaha Bahagian dan Ketua Unit mengenai kesegeraan mengemukakan maklum balas dan mengambil tindakan ke atas perkara-perkara yang berkaitan dengan KPLB dan agensi-agensi di bawah KPLB yang diarahkan atau dibangkitkan atau yang dikaitkan dengan YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri, YB Menteri dan Jemaah Menteri.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Kelewatan pegawai-pegawai dalam bertindak dan memberi maklum balas ke atas isu-isu yang dibangkitkan khususnya oleh *stake holder* dan kumpulan sasaran boleh menimbulkan banyak implikasi serta menjejaskan imej Kementerian keseluruhannya. Untuk mengelakkan perkara tersebut, pegawai-pegawai diminta memberi keutamaan untuk mengemukakan maklum balas dan mengambil tindakan ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan samada melalui memo, kenyataan akhbar, janji-janji semasa lawatan mengenai KPLB yang melibatkan YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri, YB Menteri Pembangunan Luar bandar dan Jemaah menteri.

### **TEMPOH MASA MENGEMUKAKAN MAKLUM BALAS DAN MENGAMBIL TINDAKAN**

3. Tempoh masa untuk mengemukakan maklum balas pertama yang merupakan laporan status tindakan yang telah dan akan diambil ialah seminggu daripada arahan dikeluarkan atau perkara tersebut dibangkitkan.
4. Tempoh masa untuk mengemukakan laporan lengkap ke atas tindakan yang telah diambil beserta pandangan atau ulasan untuk pertimbangan pihak yang membangkitkan adalah sebulan daripada arahan dikeluarkan atau perkara tersebut dibangkitkan.

### **TARIKH KUAT KUASA**

5. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa dari tarikh ianya dikeluarkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**( DATO' AZMAN BIN ABDUL RASHID )**

*Tarikh : 7 Mei 2003*